



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Promosi:</u>	NESTLÉ HOME OF GOOD PERADUAN REZEKI BERGANDA
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 02/03/2026 dan ditutup jam 23:59:59 pada 12/04/2026.
4. <u>Kelayakan:</u>	a. Promosi ini terbuka kepada semua penduduk sah di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi ("Peserta"). b. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	SEMUA produk Nestlé ("Produk Turut Serta"), kecuali: a. PURINA; b. NESPRESSO; c. NESCAFÉ Starbucks; d. NESCAFÉ Dolce Gusto; e. Semua produk Nestlé Health Science; f. Semua produk Nestlé Infant Formula; g. Semua produk Nestlé Professional (termasuk tetapi tidak terhad kepada MAGGI Catering Pack, MILO 3.2kg, NESCAFÉ 500g.)
6. <u>Outlet yang Turut Serta:</u>	Peserta boleh membuat pembelian di semua kedai fizikal dan peniaga dalam talian yang menjual Produk Turut Serta.
7. <u>Kaedah Penyertaan dan Bukti Pembelian:</u>	a. Hanya satu (1) kaedah penyertaan dalam Promosi ini, iaitu melalui nombor WhatsApp Business Nestlé Home of Good ("CTWA") di +6011 3011 6524. Semua kaedah penyertaan lain akan disingkirkan. b. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini, Peserta dikehendaki membuat pembelian minima sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) ("Pembelian Minima") mana-mana Produk Turut Serta dalam satu resit tunggal dari mana-mana outlet di dalam kedai fizikal ("Resit") dan/atau invois dari mana-mana platform di dalam talian ("Invois") semasa Tempoh Promosi.

- c. Resit Outlet di dalam kedai:
 - i. Resit mestilah dalam bentuk cetakan daripada sistem point-of-sale untuk pembelian outlet di dalam kedai.
 - ii. Resit mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk Turut Serta yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor resit, dan nama dan/atau logo outlet tersebut ("Butiran Resit") di mana pembelian dibuat. Sekiranya nama dan/atau logo outlet tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet tersebut.
- d. Invois Peniaga Dalam Talian:
 - i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invoice dan/atau pesanan untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran, dan/atau diskaun lain, jumlah akhir yang dibayar untuk Produk Turut Serta mesti memenuhi atau melebihi jumlah Pembelian Minimum untuk layak.
 - ii. Invois tersebut mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk Turut Serta yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian tersebut ("Butiran Invois").
- e. Resit bertulis tangan tidak akan diterima. Penganjur berhak membatalkan mana-mana resit yang tidak memaparkan dengan jelas produk yang dibeli, nama peruncit dan tarikh pembelian.

Penyerahan Penyertaan melalui nombor WhatsApp Business Nestlé Home of Good ("CTWA"):

- f. Peserta dikehendaki memulakan perbualan melalui WhatsApp ke nombor WhatsApp Business Nestlé Home of Good di +6011 3011 6524, atau klik pautan WhatsApp yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan komunikasi daripada Penganjur.
- g. Peserta dikehendaki bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan serta Notis Privasi, bersetuju untuk mendaftar sebagai ahli Nestlé Home of Good (jika berkenaan) dan melengkapkan semua maklumat peribadi mandatori seperti yang diminta melalui proses CTWA.
- h. Peserta hendaklah memuat naik satu (1) gambar resit/invois ("Bukti Pembelian") yang jelas dan mudah dibaca dalam format JPG, JPEG, atau PDF. Saiz fail gambar hendaklah kurang daripada 5MB.
- i. Peserta perlu mengisikan tarikh pembelian serta jumlah pembelian Produk Nestlé Turut Serta, dan menghantar penyertaan ("Penyertaan").
- j. Penganjur akan memaparkan mesej "Terima Kasih" untuk setiap Penyertaan yang berjaya dihantar. Pengesahan penerimaan penyertaan tidak bermaksud Peserta telah memenangi sebarang hadiah.
- k. Setiap Penyertaan hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu (1) jam dari masa proses CTWA dimulakan. Kegagalan untuk melengkapkan penyertaan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan penyertaan tersebut dianggap tidak sah dan terbatal, dan Peserta perlu memulakan semula Penyertaan yang baharu.

	l. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Bukti Pembelian yang diinginkan, namun setiap Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Bukti Pembelian yang dihantar dalam penyertaan berasingan tidak akan digabungkan atau dikira secara kumulatif. m. Setiap Peserta yang unik ditakrifkan sebagai individu dengan nombor pengenalan yang tersendiri (contohnya, Kad Pengenalan (MyKad), ID Polis, atau ID Angkatan Tentera). n. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Penyertaan yang mempunyai Bukti Pembelian yang tidak jelas, sukar dibaca, pendua, dicetak semula, rosak, diubah atau dipinda, termasuk Penyertaan yang mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian atau Bukti Pembelian dengan butiran yang tidak lengkap, tanpa sebarang notis awal kepada Peserta. o. Setiap Penyertaan yang diterima akan disemak dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang layak (masing-masing dirujuk sebagai “Penyertaan Layak” dan secara kolektif sebagai “Penyertaan-Penyertaan Layak”). Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi Terma & Syarat, namun tidak terhad kepada: maklumat peribadi yang tidak sepadan atau tidak lengkap, penyertaan yang tidak jelas, atau penyertaan duplikasi berdasarkan Kad Pengenalan (NRIC) atau nombor telefon bimbit. Semua penyertaan akan disemak bagi memastikan tiada penggandaan berdasarkan maklumat wajib yang dikemukakan dalam Borang Penyertaan. Sebarang penyertaan berganda dan/atau tidak memenuhi kriteria kelayakan boleh dibatalkan tanpa notis awal kepada Peserta, mengikut budi bicara mutlak Penganjur. p. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Bukti Pembelian asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.
8. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 12/04/2026. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
9. <u>Peruntukan Nombor Siri bagi Penyertaan Layak</u>	a. Semasa proses pemilihan Finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan Layak berdasarkan jumlah pembelian dan Produk Turut Serta seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian, seperti berikut: - Bagi setiap pembelian sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) untuk Produk Turut Serta dalam satu (1) Bukti Pembelian, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor siri. - Dalam apa jua keadaan, jumlah maksimum peruntukan nombor siri adalah lima belas (15) nombor siri bagi setiap Bukti Pembelian, bersamaan dengan pembelian Produk Turut Serta bernilai Ringgit

	Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150.00). Sebarang baki pembelian dalam Bukti Pembelian tersebut akan terlucut hak setelah jumlah maksimum nombor siri diperuntukkan. b. Contoh: - Jika anda membeli Produk Turut Serta bernilai RM10.00 dalam satu (1) Bukti Pembelian, anda akan diperuntukkan satu (1) nombor siri. - Jika anda membeli Produk Turut Serta bernilai RM39.90 dalam satu (1) Bukti Pembelian, anda akan diperuntukkan tiga (3) nombor siri. - Jika anda membeli Produk Turut Serta bernilai RM200.00 dalam satu (1) Bukti Pembelian, anda akan diperuntukkan lima belas (15) nombor siri.
10. <u>Hadiah Peraduan</u>	a. Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi. Bagi Hadiah Utama, satu isi rumah (dengan alamat rumah yang sama) hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Utama sahaja. b. Terdapat sejumlah tiga puluh sembilan (39) Hadiah ditawarkan sepanjang Tempoh Promosi, seperti berikut: Tiga (3) Hadiah Utama: Jongkong Emas POH KONG 5g 999.9 (Koleksi Bunga Raya), dengan ketulenan 999.9 Emas Tulen dan berat 5g setiap satu, bernilai RM3,730.00 seunit. Nilai jongkong emas adalah tertakluk kepada perubahan harian dan boleh berbeza bergantung kepada harga emas antarabangsa, penawaran dan permintaan, kadar pertukaran mata wang serta faktor pasaran lain. Tiga puluh enam (36) Hadiah Saguhati Mingguan: Hadiah wang tunai bernilai RM250.00 setiap satu, dengan enam (6) pemenang dipilih setiap minggu sepanjang Tempoh Promosi. Hadiah Saguhati Mingguan yang tidak diberikan pada mana-mana minggu tidak akan dibawa ke minggu berikutnya. c. Kumpulan Penyertaan bagi Hadiah Saguhati Mingguan adalah berdasarkan tarikh penyertaan diterima, dan enam (6) tempoh mingguan adalah seperti berikut: - Minggu 1: 2 Mac 2026, 00:00:00 - 8 Mac 2026, 23:59:59 - Minggu 2: 9 Mac 2026, 00:00:00 - 15 Mac 2026, 23:59:59 - Minggu 3: 16 Mac 2026, 00:00:00 - 22 Mac 2026, 23:59:59 - Minggu 4: 23 Mac 2026, 00:00:00 - 29 Mac 2026, 23:59:59 - Minggu 5: 30 Mac 2026, 00:00:00 - 5 April 2026, 23:59:59 - Minggu 6: 6 April 2026, 00:00:00 - 12 April 2026, 23:59:59
11. <u>Kriteria Pemilihan: Hadiah Saguhati Mingguan</u>	a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Saguhati Mingguan, Penganjur akan menetapkan nombor siri kepada setiap Penyertaan Layak, bermula dengan nombor siri "1", berdasarkan cap masa penyertaan — daripada Penyertaan terawal hingga Penyertaan terkini. b. Setiap minggu, nombor siri bagi setiap Penyertaan Layak akan direkod dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah keseluruhan penyertaan layak bagi

	minggu tersebut (“Jumlah Penyertaan Layak Mingguan”). Finalis akan dipilih berdasarkan urutan nombor siri dengan menggunakan kaedah pengiraan yang membahagikan Jumlah Penyertaan Layak Mingguan dengan jumlah hadiah yang diperuntukkan untuk minggu tersebut. Selepas pemilihan Hadiah setiap minggu, Penyertaan Layak Finalis dari minggu sebelumnya akan dikecualikan daripada pemilihan bagi minggu yang seterusnya. c. Jika hasil pembahagian menghasilkan nombor perpuluhan, nombor tersebut akan dibundarkan ke bawah. Contohnya, $1000 \div 6 = 166.6$ akan dibundarkan kepada 166. d. Contohnya: - Dengan andaian Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi Minggu 1 adalah 1800, Penganjur akan membuat pengiraan dan pemilihan seperti berikut: $1800 \div 6 = 300$. Nombor siri yang memenangi adalah 300, 1600, 900, 1200, 1600 dan 1800. Jika Peserta yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali, nombor siri seterusnya secara turutan akan dipilih (contohnya, jika penyertaan ke-300 dan ke-900 dimiliki oleh Peserta yang sama, penyertaan ke-300 akan kekal sah, dan nombor siri seterusnya selepas 900 iaitu 901, akan dipilih). - Setelah pemenang Minggu 1 dikecualikan, dengan andaian Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi Minggu 2 adalah 2000, pemilihan Finalis akan dibuat berdasarkan pengiraan berikut: $2000 \div 6 = 333.3$, dibundarkan ke bawah menjadi 333. Sehubungan itu, nombor siri pemenang adalah 333, 666, 999 dan gandaan seterusnya bagi 333 sehingga Finalis ke-6 dipilih.
12. <u>Kriteria Pemilihan: Hadiah Utama</u>	a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri kepada Penyertaan Layak selaras dengan Klausa 9, bermula daripada nombor siri “1”, berdasarkan cap masa penyertaan — daripada Penyertaan terawal hingga Penyertaan terkini. b. Jika hasil pembahagian menghasilkan nombor perpuluhan, nombor tersebut akan dibundarkan ke bawah. Contohnya, $1000 \div 6 = 166.6$ akan dibundarkan kepada 166. c. Hanya satu (1) Hadiah Utama boleh dianugerahkan bagi setiap isi rumah, sebagaimana ditentukan berdasarkan alamat rumah yang sama, dan sekiranya lebih daripada seorang pemenang dikenalpasti menggunakan alamat rumah yang sama, pemenang seterusnya akan dibatalkan. d. Pada akhir Tempoh Promosi, nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan dijumlahkan bagi menentukan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak”). Finalis akan dipilih berdasarkan nombor turutan, menggunakan kaedah pengiraan dengan membahagikan Jumlah Penyertaan Layak kepada bilangan Hadiah yang diperuntukkan bagi keseluruhan Tempoh Promosi. Bagi pemilihan Hadiah Utama, Penyertaan Layak

	milik Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan akan dikeluarkan daripada kumpulan penyertaan sebelum proses pemilihan dijalankan. e. Contohnya: i. Setelah 36 Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan dikeluarkan, dengan andaian bahawa Jumlah Penyertaan Layak bagi Tempoh Promosi adalah 9000, Penganjur akan membuat pengiraan dan pemilihan seperti berikut: $9000 \div 3 = 3,000$. Nombor siri pemenang adalah 3000, 6000 dan 9000. Sekiranya Peserta yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali, nombor siri turutan seterusnya akan dipilih sebagai pengganti (contohnya, jika Penyertaan ke-3000 dan ke-6000 adalah milik Peserta yang sama, Penyertaan ke-3000 kekal sah, dan nombor turutan selepas 6000 iaitu 6001 akan dipilih).
13. <u>Terma Tambahan:</u>	f. Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari +6011 1108 0268 (diuruskan oleh penyedia perkhidmatan kami, MediaCliQ) ke nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul, dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas mesej dihantar. Kegagalan untuk memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan/atau dengan jawapan yang betul akan mengakibatkan pembatalan hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis tidak dapat dihubungi melalui WhatsApp atas sebarang sebab. Penganjur berhak untuk memilih Finalis lain mengikut budi bicara Penganjur sekiranya Finalis yang dipilih pada awalnya gagal dihubungi atau gagal menjawab soalan dengan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan. Finalis yang menjawab soalan dengan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dianggap sebagai Pemenang. g. Semua Pemenang mesti memberikan maklumat peribadi yang lengkap dan tepat seperti yang diminta oleh Penganjur bagi tujuan penebusan hadiah. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hadiah dibatalkan. Penganjur berhak membatalkan sebarang Penyertaan atau kelayakan Pemenang sekiranya maklumat peribadi (termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan, dan nombor telefon bimbit) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa. h. Penganjur berhak untuk meminta Pemenang menghantar nama penuh seperti NRIC dan Nombor Kad Pengenalan (NRIC) dalam format teks bagi tujuan pengesahan sebelum penebusan hadiah dilakukan ke nombor WhatsApp yang ditetapkan, iaitu +6011 1108 0268. Kegagalan untuk mematuhi permintaan ini akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah. Sekiranya Penganjur mengesyaki sebarang unsur penipuan, pemalsuan, atau penyerahan dokumen tidak sah, Penganjur berhak membatalkan hadiah tersebut.

	i. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan dalam notifikasi pemenang oleh Penganjur akan dibatalkan. j. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh mana-mana penyedia pihak ketiga atau penganjur yang terlibat dalam pengurusan atau penebusan hadiah, termasuk sebarang syarat yang berkaitan dengan hadiah itu sendiri. k. Terma & Syarat bagi Hadiah Utama, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut: - i. Kaedah penghantaran yang ditetapkan bagi Hadiah Utama adalah melalui pihak kurier yang dilantik dan diuruskan oleh penyedia perkhidmatan peraduan, MediaCliQ. ii. Penganjur akan menghubungi Pemenang Hadiah Utama melalui WhatsApp daripada nombor +6011 1108 0268 ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan melalui CTWA bagi mendapatkan maklumat berikut untuk tujuan penghantaran: nama penuh Pemenang seperti dalam Kad Pengenalan (NRIC), nombor NRIC (dalam format teks) dan alamat rumah. iii. Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, untuk menggantikan Hadiah Utama dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara, yang tidak semestinya daripada penyedia atau koleksi yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini. l. Terma & Syarat bagi Hadiah Saguhati Mingguan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut: - i. Kaedah penyerahan lalai bagi Hadiah Ketiga adalah melalui Pemindahan Wang Secara Dalam Talian ii. Penganjur akan menghubungi Pemenang melalui WhatsApp daripada nombor +6011 1108 0268 ke nombor telefon bimbit Pemenang yang didaftarkan melalui CTWA untuk meminta butiran berikut bagi tujuan pemindahan wang secara dalam talian: nama penuh Pemenang seperti dalam NRIC, nombor NRIC (dalam format teks), nama bank, dan nombor akaun bank. m. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Hadiah tidak dapat dihantar disebabkan nombor telefon dan/atau alamat penghantaran yang salah, telah ditukar, atau tidak sah seperti yang dikemukakan oleh Peserta. n. Semua Hadiah diberikan dalam keadaan “seadanya” dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai (kecuali Hadiah Saguhati Mingguan), kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. o. Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan item lain yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
--	---

	p. Penganjur berhak untuk menukar kaedah penyerahan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara mutlak Penganjur. q. Pengumuman pemenang akan dipaparkan di laman social media Penganjur: https://www.facebook.com/nestlehomeofgood dan laman web rasmi Penganjur di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-rezeki-berganda enam (6) ke lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi. r. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan mengecualikan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan terhadap Promosi atau hadiah, atau disebabkan oleh sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, peperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perbuatan keganasan, permusuhan, darurat negara, kejadian wabak/penyakit pandemik) serta sebarang tindakan atau kegagalan pihak ketiga seperti pembekal atau vendor. s. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (contohnya perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang atas kos sendiri.
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di <https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-rezeki-berganda>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta

bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) Tiket Acara:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti menuntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos

sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelektual

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.

